



Praktis Ekstra

Tema 10

PBD

Aspek Tatabahasa SP 5.3.1

Lengkapkan petikan di bawah dengan kata terbitan yang sesuai berdasarkan perkataan yang diberikan di dalam kurungan.

Pengguna Internet menerima maklumat dengan mudah dan pantas. Maklumat _____ (cari) bukan sahaja dalam bentuk teks, tetapi juga dalam bentuk gambar rajah, jadual, carta grafik, audio, animasi, dan bentuk media elektronik yang lain. Pengguna didedahkan kepada World Wide Web (www) untuk mencari maklumat yang _____ (hendak). Mereka tidak perlu ke perpustakaan kerana boleh melayari Internet di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Hal ini juga dapat menjimatkan kos.

Selain itu, pelayar Internet menggunakan Internet sebagai saluran komunikasi antarabangsa atas pelbagai tujuan. Pakar-pakar _____ (ubat) dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan adanya Internet. Komunikasi dalam aspek ekonomi dan politik pula dapat dilakukan dengan telekonferens.

Namun demikian, _____ (seronok) melayari laman-laman sosial seperti Facebook dan Twitter serta bermain permainan maya secara atas talian menyebabkan seseorang menghabiskan banyak waktu. Sesetengah murid menghabiskan waktu mereka melayari Internet sehingga kerja sekolah _____ (abai). Produktiviti seseorang pekerja juga akan merosot jika terlalu leka _____ (layar) Internet.

Pengguna Internet juga terdedah kepada jenayah siber. Antaranya ialah _____ (tipu) secara atas talian, berlaku transaksi palsu, buli siber, dan sebagainya. Penjenayah siber mampu _____ (godam) sistem _____ (tahan) negara dan rahsia-rahsia kerajaan yang dapat mendedahkan sesebuah negara kepada ancaman anasir luar. Penipuan jual beli dalam talian membawa _____ (rugi) yang besar kepada pembeli dan penjual. Pengguna _____ (ugut) untuk mendapatkan maklumat peribadinya atau kegiatan jenayah yang _____ (bahaya) keselamatan dirinya.